

# AZAMUN TABLETS

Azathioprine (50mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *AZAMUN tablets*
2. Bagaimana *AZAMUN tablets* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *AZAMUN tablets*
4. Cara menggunakan *AZAMUN tablets*
5. Semasa menggunakan *AZAMUN tablets*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *AZAMUN tablets*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *AZAMUN tablets*

*AZAMUN tablets* digunakan untuk merawat pesakit yang menerima pemindahan organ untuk menghalang badan mereka daripada menolak organ yang dipindahkan (contoh: jantung, atau buah pinggang)

*AZAMUN tablets* juga digunakan untuk menyekat imuniti badan untuk merawat keadaan "auto-immun" seperti *rheumatoid arthritis*, dan SLE (Sistemik Lupus Eritematosus)

*AZAMUN tablets* mungkin juga digunakan untuk merawat keadaan lain yang ditentukan oleh doktor

## Bagaimana *AZAMUN tablets* berfungsi

*AZAMUN tablets* mengandungi azathioprine. Ianya di dalam kumpulan ubat immunosupresan yang bertindak dengan mengurangkan sistem imunisasi semulajadi badan

## Sebelum menggunakan *AZAMUN tablets*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan menggunakan *Azamun tablets*:

- Jika anda seorang wanita dan anda mengandung atau berpeluang untuk mengandung; Azathioprine tidak disarankan semasa mengandung. Ia mungkin menyebabkan kecacatan bayi jika digunakan semasa mengandung.

Pasangan anda perlu mengambil langkah perancangan semasa mengambil *AZAMUN tablets*. Jika anda menggunakan kontrasepsi IUD, adalah disarankan supaya kaedah kontrasepsi tambahan digunakan

- Jika anda menyusukan atau merancang untuk menyusukan bayi dengan susu ibu
- Jika anda mempunyai alahan terhadap *AZAMUN* atau ramuan lain (disenaraikan di penghujung risalah ini), atau ubat immunosupresan yang lain (contohnya: *6-mercaptopurine*). Simtom reaksi alahan mungkin ringan atau teruk. Tanda-tanda jika anda mengalami reaksi alahan selalunya termasuk yang berikut: semput, bengkak bibir/ mulut, kesukaran bernafas, alergi rhinitis (*hay fever*), gatal-gatal atau pengsan
- Jika anda menghidapi *rheumatoid arthritis*, yang sebelum ini dirawat dengan *alkylating agent* (contohnya: *chlorambucil, melphalan atau cyclophosphamide*).
- Jika anda menghidapi cacar air atau baru-baru ini terjangkit/ terdedah
- Jika anda menghidapi herpes zoster (kayap)
- Jika anda mengambil *AZAMUN tablets selepas* tarikh luput (EXP) yang dicetak di belakang bungkusan. Jika anda mengambil *AZAMUN tablets* selepas tarikh luput, ia mungkin tidak berkesan
- Jangan mengambil *AZAMUN tablets* jika bungkusan koyak atau papan ubat menunjukkan tanda diusik. Jika anda tidak pasti samada anda patut mengambil *AZAMUN tablets*, jumpa doktor anda

Maklumkan doktor anda jika anda mempunyai masalah yang disenaraikan di atas, kerana *Azamun* mungkin tidak sesuai untuk anda

- *Sebelum mula menggunakan* *AZAMUN tablets*

Maklumkan doktor jika anda:

- Alah terhadap makanan, pewarna, pengawet atau ubatan lain
- Mengalami keadaan perubatan lain

- Mengalami penyakit hati atau buah pinggang
- Telah atau mungkin akan diberi vaksin
- Sedang atau dalam pertimbangan untuk mendapatkan rawatan pergigian

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Anda perlu selalu memberitahu doktor tentang sebarang ubat lain yang anda ambil, walaupun anda membeli ubat, vitamin atau produk herba tanpa preskripsi doktor. Sesetengah ubat boleh mengganggu cara *AZAMUN tablets* berfungsi

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada doktor jika anda mengambil sebarang yang berikut:

- Allopurinol – ubat yang digunakan untuk merawat gout
- Kortikosteroid (ubat seperti kortison) ini mungkin dipreskripsikan oleh doktor anda untuk meningkatkan kesan *AZAMUN tablets*.
- Immunosupresan lain (contohnya: *mercaptopurine, chlorambucil, cyclosporine, cyclophosphamide*)
- Muscle relaxant (contohnya: D-tubocurarine, suxamethonium)
- Triptometofrim
- Captopril

## Cara menggunakan *AZAMUN tablets*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ambil *AZAMUN tablets* hanya seperti yang diarahkan oleh doktor. Doktor anda telah menentukan dos *AZAMUN tablets* untuk anda dengan berhati-hati. Dos *AZAMUN tablets* anda ditentukan berdasarkan keadaan anda dirawat, berat badan anda, dan sebarang keadaan perubatan lain yang sedang anda hidapi. Jangan mengubah jumlah yang anda ambil atau mengubah regim rawatan melainkan doktor mengarahkan.

*AZAMUN tablets* mungkin digunakan pada kanak-kanak. Doktor anda akan menasihatkan dos yang sesuai untuk kanak-kanak

- Bila perlu digunakan

*AZAMUN tablets* hanya boleh diambil secara oral

Telan *AZAMUN tablets* dengan segelas air. Jangan pecahkan atau kunyah tablet tersebut

Ambil *AZAMUN tablets* pada masa yang sama setiap hari

Tetapkan masa yang sama untuk mengambil *AZAMUN tablets* untuk membantu anda mengingati waktu mengambilnya

*AZAMUN tablets* kadangkala menyebabkan loya ringan dan muntah.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil *AZAMUN tablets* tanpa menyemak dengan doktor anda

Doktor anda akan membincangkan dengan anda berapa lama diperlukan untuk mengambil *AZAMUN tablets*. Anda mungkin memerlukan *AZAMUN tablets* selama beberapa minggu atau bulan sebelum anda dapat merasai kesan sepenuhnya

Jika anda mengambil Azamun tablets disebabkan pemindahan organ, anda perlu mengambilnya secara berterusan untuk mengelakkan badan anda menolak organ yang dipindahkan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika telah hampir dengan dos berikutnya, tinggalkan dos yang anda telah terlepas dan ambil dos berikutnya pada waktu yang sepatutnya. Atau pun ambilnya sebaik sahaja anda ingat, kemudian kembali mengambil *AZAMUN tablets* secara normal.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas

Jika anda tidak pasti apa yang patut anda buat, tanya doktor atau ahli farmasi

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Maklumkan doktor dengan segera atau pergi ke bahagian kecemasan hospital terdekat jika anda rasa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak *AZAMUN tablets*. Lakukan perkara tersebut walaupun tidak terdapat tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera

**Semasa menggunakan *AZAMUN tablets***

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut semua temu janji yang diberikan, supaya doktor boleh memastikan bahawa *AZAMUN tablets* berfungsi dengan baik untuk anda dan anda tidak mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak diingini. Doktor anda boleh mengambil ujian darah berkala untuk memeriksa bagaimana reaksi anda terhadap *AZAMUN tablets*.

Jika anda terpaksa menjalani atau merancang untuk menjalani pembedahan, maklumkan ahli bedah dan ahli bius bahawa anda sedang mengambil *AZAMUN tablets*.

*AZAMUN tablets* menyekat sistem imun anda, merendahkan sistem pertahanan imun badan. Ini meningkatkan risiko kanser kulit dan kanser lain semasa mengambil *AZAMUN tablets*.

Sentiasa melindungi diri anda daripada matahari, memakai pelindung matahari, topi dan pakaian pelindung.

**Beritahu doktor:**

- Jika anda disahkan mengandung atau cuba untuk mengandung
- Jika anda merancang untuk mendapatkan vaksinasi atau imunisasi
- Jika anda perasan sebarang tahi lalat baru atau perubahan pada tahi lalat sedia ada
- Jika anda perasan sebarang ketulan pada badan atau jika berasa tidak sihat

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
**Jangan:**

- Berhenti mengambil *AZAMUN tablets*, atau mengubah dos tanpa memeriksa dengan doktor anda
- Memberi ubat ini kepada orang lain, walaupun simptom mereka serupa dengan anda
- Mengambil sebarang imunisasi tanpa kebenaran doktor. Elakkan sentuhan dengan orang di dalam rumah anda yang telah mengambil vaksin oral polio baru-baru ini. Cuba elakkan sentuhan dengan orang yang menghidapi penyakit berjangkit (seperti selesema)
- Menyertai sukan yang memerlukan sentuhan atau situasi lain di mana lebam dan kecederaan boleh berlaku. Berhati-hati untuk mengelakkan terluka dengan objek tajam (cth: pisau cukur)

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu dan mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana *AZAMUN tablets* menjejaskan anda

*AZAMUN tablets* secara amnya tidak menyebabkan sebarang masalah untuk memandu kereta dan mengendalikan mesin. Walau bagaimanapun, seperti ubat lain, *AZAMUN tablets* mungkin menyebabkan sakit kepala atau pening pada sesetengah orang

**Kesan-kesan sampingan**

Periksa dengan doktor anda jika anda mengalami sebarang masalah semasa mengambil *AZAMUN tablets*, walaupun anda fikir masalah yang anda alami tiada kaitan dengan *AZAMUN tablets* yang anda sedang ambil

Doktor anda akan menilai risiko yang berkemungkinan dan kepentingan anda mengambil ubat ini. Sesetengah kesan sampingan mungkin mempunyai tanda/simptom yang anda boleh lihat atau rasa. Doktor anda akan memerhatikan kesan-kesan sampingan lain dengan menjalankan ujian tertentu

Pastikan anda menjalani ujian berkala dengan doktor anda

Beritahu doktor dengan segera jika anda perasan sebarang yang berikut:

- Sebarang jangkitan, lebam atau pendarahan yang tidak disangka, najis berwarna hitam atau darah di dalam air kencing atau najis
- Batuk, kesukaran bernafas dan sempit
- Kekuningan kulit dan mata
- Demam
- Loya, muntah

SEGERA HUBUNGI DOKTOR ANDA atau pergi ke hospital yang terdekat jika anda mendapati sebarang simptom berikut kerana anda mungkin mengalami reaksi alahan terhadap *AZAMUN tablets*.

- Sempit
- bengkak bibir/ mulut
- kesukaran bernafas
- alergi rhinitis (*hay fever*)
- gatal-gatal
- pengsan

Ini mungkin bukan senarai kesan-kesan sampingan yang lengkap. Anda mungkin bereaksi dengan cara berbeza

Hubungi doktor atau ahli farmasi jika anda perasan tanda lain yang menyebabkan anda tidak sihat, walaupun ia tidak disenaraikan di sini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan *AZAMUN tablets*

##### - Penyimpanan

Ubat tidak boleh disimpan selamanya.

Simpan tablet di dalam blister sehingga hampir dengan waktu untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan tablet daripada blister, ia mungkin tidak dapat disimpan dengan baik.

Simpan *AZAMUN tablets* di tempat yang sejuk pada suhu di bawah 30°C.

Jangan tinggalkan *AZAMUN tablets* di dalam bilik air, berdekatan sinki atau dapur, di tepi tingkap atau di dalam kereta

Panas dan kelembapan boleh merosakkan ubat

Simpan *AZAMUN tablets* di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak

Kabinet berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari tanah adalah tempat yang baik untuk menyimpan ubat

##### - Pelupusan

Beritahu doktor jika anda berhenti mengambil tablet atau tablet telah luput tarikh. Tanya ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan dengan tablet yang tinggal

#### Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna produk

*AZAMUN tablets*- kuning pucat, tablet dwicembung bersalut filem, dicetak AZA dan 50, dengan garis skor di tengah pada satu permukaan dan kosong di permukaan yang lain

##### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
azathioprine.

- Bahan tidak aktif  
*Mannitol, maize starch, croscarmellose sodium, sodium stearyl fumarate, purified water, Avicel PH 101, PVP K25 in the tablet core. The tablet coating contains Opadry clear OY- 7240*

##### - Nombor MAL

MAL20021382AZ

#### Pengilang

##### **Douglas Manufacturing Ltd**

Corner Te Pai Place  
Central Park Drive  
Lincoln, Auckland, New Zealand

#### Pemegang Pendaftaran Produk **SCHMIDT BioMedTech Sdn Bhd**

5<sup>th</sup> Floor Wisma Tecna, 18A, Lot 318,  
Jalan 51A/223 46100 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

#### Tarikh kemaskini RiMUP

15/12/2015

#### Nombor Siri

BPFK(R4/1)241115/00449